

# **PEKEBUN KECIL GETAH KEUTAMAAN KAMI**

*Bual  
Bicara*  
bersama



**Pengurus Besar  
Lembaga Industri Getah Sabah  
DATUK HARRIS MATHEWS**



## **1. SECARA UMUMNYA, BOLEHKAH YBHG DATUK JELASKAN DENGAN SECARA RINGKAS APAKAH PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB LIGS TERHADAP INDUSTRI GETAH DI NEGERI SABAH?**

LIGS telah ditubuhkan dalam Tahun 1950 dan merupakan sebuah Agensi Kerajaan Negeri di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk melaksanakan program-program yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi membantu para pekebun kecil getah untuk meningkatkan taraf hidup mereka dengan memperkenalkan aktiviti-aktiviti berikut:

- i. Program Tanam Semula Getah
- ii. Program Tanam Baru Getah
- iii. Skim Penempatan Getah
- iv. Projek Agropolitan Getah
- v. Latihan Pekebun Kecil
- vi. Pembelian Getah
- vii. Pemprosesan Getah
- viii. Pengeksportan Getah
- ix. Pelesenan & Penguatkuasaan
- x. Kawal Selia Industri Getah

## **2. APAKAH PERANAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA) BERBANDING LIGS?**

RISDA mula beroperasi di negeri Sabah atas persetujuan Kerajaan Negeri yang mana khusus untuk menjayakan program Tanam Semula Getah secara individu sahaja untuk para pekebun kecil getah di Sabah. Sementara itu, LIGS melaksanakan Projek Tanam Semula dan Tanam Baru Getah berkelompok dan individu selain daripada aktiviti-aktiviti yang dinyatakan di atas.


## **3. APAKAH PERANAN LEMBAGA GETAH MALAYSIA (LGM) DI NEGERI SABAH?**

Lembaga Getah Malaysia (LGM) adalah sebuah Agensi Pusat yang menjalankan aktiviti penyelidikan getah dan menyalurkan hasil penyelidikan yang berkaitan kepada LIGS untuk dilaksanakan.

## **4. BERAPAKAH KELUASAN LADANG GETAH DI NEGERI SABAH?**

Pada masa ini, terdapat seluas 169,976 hektar tanaman getah di seluruh negeri Sabah yang terdiri daripada berikut:

- |      |  |   |                       |
|------|--|---|-----------------------|
| i.   | Sektor Pekebun Kecil                                   | : | 121,137 hektar        |
|      | (melibatkan seramai 46,176 pekebun kecil getah)        |   |                       |
| ii.  | Sektor Ladang Hutan Getah FMU (Forest Management Unit) | : | 46,983 hektar         |
|      | (melibatkan 13 unit FMU)                               |   |                       |
| iii. | Sektor Estet   | : | 1,856 hektar          |
|      | (melibatkan 3 buah estet)                              |   |                       |
|      | JUMLAH   | : | <u>169,976 hektar</u> |



Untuk sektor pekebun kecil, purata saiz ladang adalah seluas 2.89 hektar/keluarga dan daripada jumlah keseluruhan keluasan kebun getah tersebut, seluas 49,025 hektar adalah kawasan getah matang dan seluas 72,112 hektar adalah kawasan belum matang.

**5. BERAPAKAH JUMLAH KELUASAN TANAMAN GETAH DAN BILANGAN PEKEBUN KECIL DI SELURUH NEGERI SABAH MENGIKUT DAERAH?**

Jumlah kluasan dan bilangan pekebun kecil mengikut daerah adalah seperti berikut:

Daerah	Keluasan (Hek.)	Bil. Pekebun Kecil
Beaufort	5,092	1,935
Beluran	3,392	1355
Keningau	9,421	5,892
Kota Belud	10,326	4,297
Kota Kinabalu	753	21
Kota Marudu	7,907	7,693
Kuala Penyu	4,311	1,045
Kudat	7,339	1,031
Lahad Datu	305	49
Nabawan	3,921	1,517
Papar	8,478	1,624
Penampang	3,895	756
Pitas	8,372	2,737
Ranau	6,430	4,520
Sandakan	696	15
Sipitang	8,715	1,670
Tambunan	4,595	501
Tawau	661	135
Tenom	13,096	4,632
Tongod	2,042	566
Tuaran	11,390	4,185
Jumlah	121,137	46,176

**6. APAKAH JENIS BANTUAN YANG DIBERIKAN OLEH LIGS KEPADA PARA PEKEBUN KECIL GETAH?**

LIGS memberikan tiga (3) jenis bantuan kepada para pekebun kecil getah di negeri Sabah iaitu:

- i. Bantuan Tanam Semula Getah
- ii. Bantuan Tanam Baru Getah
- iii. Latihan

**7. BAGAIMANAKAH CARA UNTUK MEMOHON BAGI MENDAPATKAN BANTUAN TERSEBUT?**

Cara memohon adalah mudah sekali iaitu dengan hadir ke mana-mana pejabat Bahagian Kemajuan Pekebun Kecil di daerah-daerah untuk mendapatkan borang permohonan dan keterangan lanjut.

**8. APAKAH KRITERIA YANG MELAYAKKAN SESEORANG UNTUK MENERIMA BANTUAN PENANAMAN GETAH?**

Pemohon perlu memenuhi kriteria-kriteria berikut iaitu:

- i. Mempunyai tanah dengan kluasan tidak melebihi 100 ekar atau 40 hektar
- ii. Status tanah hendaklah:
  - a. Tanah Bergeran
  - b. Tanah yang diluluskan oleh LUC (Land Utilisation Committee)
  - c. Permohonan Tanah (PT) yang dibenarkan oleh PPHT (Penolong Pemungut Hasil Tanah)

**9. BAGAIMANAKAH CARA LIGS MELAKSANAKAN PROGRAM PENANAMAN GETAH?**

Program ini akan dilaksanakan oleh LIGS mengikut kaedah berikut:

- i. Dibangunkan secara berkelompok
- ii. Penyediaan ladang dijalankan secara mekanikal oleh kontraktor yang dilantik melalui tender terbuka
- iii. Pekebun kecil hendaklah terlibat secara langsung untuk penanaman dan penyelenggaraan sehingga matang di ladang
- iv. Semua *input* pertanian seperti anak benih getah, kekacang penutup bumi, baja dan racun rumpai akan disediakan oleh LIGS
- v. Pekebun kecil akan dibayar upah ke atas semua kerja yang dilaksanakan
- vi. LIGS akan mengurus dan menyelenggarakan ladang untuk tempoh 6 tahun sehingga pokok getah matang
- vii. Latihan penorehan dan penyelenggaraan ladang akan diberikan kepada peserta projek sebelum ianya diserahkan semula kepada mereka
- viii. LIGS akan mengatur jadual pembelian getah kepada peserta

**10. APAKAH OBJEKTIF PENUBUHAN SKIM-SKIM PENEMPATAN GETAH?**

Matlamat utama pengwujudan Skim-Skim Penempatan Getah adalah untuk menempatkan dan meningkatkan taraf hidup para penduduk setempat yang tidak mempunyai tanah atau memiliki tanah yang tidak ekonomik atau mengamalkan pertanian pindah-randah. Ini bertujuan untuk memastikan mereka memperolehi pendapatan yang tetap dan mapan serta mengeluarkan mereka dari belenggu kemiskinan.

**11. BERAPAKAH RANCANGAN PENEMPATAN YANG DILAKUKAN LIGS?**

Pada ketika ini terdapat sebanyak 5 Skim Penempatan Getah dan 2 Agropolitan Getah di bawah pengurusan LIGS iaitu:

- i. SPG Kuala Tomani, Tenom
- ii. SPG Lagud Sebrang, Tenom
- iii. SPG Tulid, Keningau,
- iv. SPG Mendulong, Sipitang
- v. SPG Tuaran, Tuaran
- vi. Agropolitan Gana, Kota Marudu
- vii. Ladang Getah Komuniti Kanibongan, Pitas

**12. DI MANAKAH LIGS MEMPEROLEHI ANAK BENIH GETAH UNTUK PROJEK-PROJEK PENANAMAN GETAH DAN SKIM-SKIM PENANAMAN GETAH?**

LIGS memiliki tiga (3) buah semaihan yang mempunyai kapasiti untuk mengeluarkan sebanyak 3.5 juta anak benih getah setiap tahun di lokasi-lokasi berikut:

- i. Unit Tapak Semaian Sg Damit, Tuaran
- ii. Unit Tapak Semaian Pamalan, Keningau
- iii. Unit Tapak Semaian Kabang, Papar

**13. APAKAH KLON-KLON GETAH YANG DISYORKAN TERSEBUT?**

Klon-Klon Getah berkenaan adalah:

- i. PB 350, 347
- ii. RRIM 3001
- iii. RRIM 2001, 2002, 2023, 2025

**14. ADAKAH ORANG AWAM BOLEH MEMBELI ANAK BENIH GETAH DARIPADA SEMAIAN LIGS?**

YA. Boleh.

Orang awam boleh membeli anak benih getah dengan harga RM4.80 se pokok termasuk Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

**15. SELAIN DARIPADA ANAK BENIH GETAH, ADAKAH LIGS MENJUAL BIBIT-BIBIT BUAH-BUAHAN?**

YA.

LIGS mempunyai sebuah semaihan yang menjalankan aktiviti khusus untuk pengeluaran bibit buah-buahan yang terdiri daripada pelbagai jenis Durian, Dukong, Langsat, Manggis, Nangka, Laici, Rambutan dan sebagainya dengan harga yang berpatutan.

Mereka yang berminat bolehlah menghubungi Pejabat Pentadbiran Unit Semaian Tuaran di talian 088-788632 untuk mendapatkan keterangan lanjut.

**16. ADAKAH LIGS MEMBERIKAN LATIHAN KEPADA PEKEBUN KECIL?**

YA. LIGS menawarkan latihan kepada para pekebun kecil bilamana kawasan ladang mencapai tempoh matang iaitu:

- i. Memberi latihan kepada peserta berkaitan penorehan dan penyelenggaraan. Ini termasuk latihan pemprosesan awal getah mentah selama 10 hari di ladang-ladang mereka
- ii. Dalam masa yang sama, para pekebun kecil diberikan peralatan penorehan secara percuma seperti manguk getah, dawai penyangkut, pancuran dan pisau toreh
- iii. Dilatih cara-cara membuka panel penorehan
- iv. Dilatih cara-cara melaksanakan sistem penorehan yang baik
- v. Diberi tunjuk ajar cara-cara memasang alat-alat penorehan
- vi. Dibayar Elaun Menghadiri Kursus sebanyak RM50 setiap seorang untuk tempoh 10 hari berkursus
- vii. Menyerahkan semula kebun getah kepada pekebun kecil selepas berjaya menjalani kursus serta memperolehi sijil tamat kursus

**17. MENGAPAKAH HARGA GETAH DI SABAH BERBEZA DENGAN HARGA GETAH DI SEMENANJUNG MALAYSIA?**

Harga getah diperingkat ladang di negeri Sabah adalah berbeza sedikit dengan harga getah di Semenanjung Malaysia atas faktor-faktor berikut:

- i. Tidak terdapat kapal-kapal induk daripada luar negara yang datang di Pelabuhan Sabah dengan jadual yang tetap mengakibatkan:
  - a. Semua getah yang telah diproses perlu dihantar ke Pelabuhan Klang di Semenanjung Malaysia atau ke Pelabuhan Singapura sebelum dihantar kepada pembeli luar negara.
  - b. Kedudukan negeri Sabah yang terletak dalam lingkungan lebih kurang 1,900 km lebih jauh dari Semenanjung Malaysia atau Singapura yang melibatkan tambahan kos penghantaran.
  - c. Pengeksport di Sabah seperti LIGS terpaksa menanggung kos tambang perkapanan tambahan berbanding dengan kilang-kilang yang terletak di Semenanjung.
  - d. Kilang-kilang getah di Semenanjung tidak perlu berbuat demikian kerana kilang-kilang mereka terletak di lokasi yang berhampiran dengan Pelabuhan Klang atau Singapura.
- ii. Selain dari itu, kos memproses getah di Sabah adalah lebih tinggi daripada di Semenanjung kerana bahan-bahan pembungkusan, alat-alat ganti jentera kilang, bahan kimia dan mesin pemprosesan perlu diimport dari Semenanjung dengan harga yang lebih tinggi kerana melibatkan kos tambang tambahan untuk penghantaran barang-barang tersebut dari Semenanjung ke Sabah.
- iii. Harga minyak diesel perindustrian (industrial diesel) dan harga gas asli (natural gas) adalah lebih tinggi di Sabah berbanding dengan harga di Semenanjung.

**18. ADAKAH PENGECAULIAN POLISI KABOTAJ (CABOTAGE POLICY) DAPAT MEMPENGARUHI HARGA GETAH DI SABAH?**

Setakat ini, pengecualian kabotaj polisi tidak memberikan kesan ke atas harga getah di negeri Sabah. Ini adalah disebabkan tiada kapal induk dari luar negara (foreign ships) yang datang ke Pelabuhan Sepanggar, Kota Kinabalu dan menuju ke destinasi negara pengimpor mengikut jadual yang tetap. Dengan itu, LIGS masih perlu untuk menghantar/mengeksport getah kepada pembeli melalui Pelabuhan Klang atau Singapura dengan melibatkan kos tambahan.

LIGS berharap agar di masa akan datang, kapal-kapal induk dari luar negara akan datang ke Kota Kinabalu sekaligus membolehkan harga getah di Sabah diseragamkan dengan harga getah di Semenanjung Malaysia.

**19. ADAKAH TERDAPAT BANTUAN YANG DIBERIKAN OLEH KERAJAAN KEPADA PARA PEKEBUN KECIL GETAH SEMASA HARGA GETAH RENDAH?**

ADA.

Kerajaan Persekutuan memberikan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) kepada para pekebun kecil getah apabila purata bulanan harga getah kentalan gred 2 di peringkat ladang berada di bawah paras RM2.20 sen se kilogram. Kadar insentif yang dibayar adalah merupakan perbezaan di antara purata bulanan harga getah sebenar di ladang dengan harga lantai yang ditetapkan pada kadar RM2.20 se kilogram. Contohnya, jika purata bulanan harga di ladang adalah RM2.00 se kilogram, maka kadar insentif yang akan dibayar adalah RM0.20 sen se kilogram (RM2.20 – RM2.00 = RM0.20).

**20. BOLEHKAH YBGH DATUK MEMBERIKAN PENJELASAN YANG TERPERINCI MENGENAI DENGAN INSENTIF PENGELOUARAN GETAH (IPG)?**

IPG merupakan salah satu daripada usaha Kerajaan Persekutuan untuk membantu para pekebun kecil getah semasa harga getah berada di tahap rendah.

Pemberian insentif ini turut bertujuan untuk membantu pekebun kecil getah menangani impak kejatuhan harga getah ke atas pendapatan mereka. IPG dibayar kepada pekebun kecil/penoreh getah yang menjual getah kepada LIGS apabila purata bulanan harga kentalan gred 2 di peringkat ladang adalah di bawah paras RM2.20 sen se kilogram.

**21. SIAPAKAH YANG LAYAK MENERIMA IPG?**

Mereka yang layak menerima IPG adalah :

- i. Warganegara Malaysia
- ii. Berdaftar dengan LIGS sebagai pemilik atau penoreh getah
- iii. Menjual getah kepada LIGS
- iv. Memiliki kebun getah tidak melebihi 100 ekar atau 40 hektar keseluruhannya

**22. BAGAIMANAKAH CARANYA UNTUK MENDAFTAR SEBAGAI PEKEBUN KECIL GETAH?**

Untuk mendaftar sebagai pekebun kecil, mereka hendaklah mengusahakan kebun getah di negeri Sabah.

Borang pendaftaran boleh diperolehi di mana-mana pejabat yang berhampiran dengan daerah masing-masing. Borang yang telah dilengkapkan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berwarna berukuran pasport dan dokumen yang telah disahkan benar seperti berikut:

- i. Salinan kad pengenalan
- ii. Salinan Geran tanah
- iii. Salinan buku akaun bank

**23. SEPERTIMANA YANG DIUMUMKAN, KERAJAAN AKAN MEMBERIKAN BANTUAN MUSIM TENKUJUH (BMT) PADA AKHIR TAHUN 2017. ADAKAH LIGS TERLIBAT SAMA?**

YA.

Bagi negeri Sabah, peruntukan kewangan Persekutuan akan disalurkan melalui LIGS sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk membayar para pekebun kecil dan penoreh getah yang layak dalam Tahun 2017. BMT ini adalah bertujuan untuk meringankan bebanan kewangan pekebun kecil dan penoreh getah kesan daripada musim tengkujuh. Bantuan yang diberikan adalah sebanyak RM200 sebulan selama tiga (3) bulan iaitu untuk bulan November 2017, Disember 2017 dan Januari 2018.

**24. APA SYARAT SYARAT UNTUK MENERIMA BMT?**

Syarat-syarat untuk menerima BMT adalah:

- i. Warganegara Malaysia
- ii. Telah berdaftar dengan LIGS sebagai pemilik atau penoreh getah sebelum 15 September 2017
- iii. Memiliki kebun getah yang matang atau pun belum matang dan tidak melebihi 100 ekar atau 40 hektar keseluruhannya
- iv. Penoreh yang menjual getah kepada LIGS pada tahun 2017

**25. APAKAH JENIS SES YANG DIKENAKAN DI SABAH?**

Terdapat 3 jenis ses yang dikuatkuasakan di negeri Sabah iaitu:

- i. Ses Tanam Semula
- ii. Ses Getah
- iii. Ses Getah Mentah

**26. BOLEHKAH YBGH DATUK JELASKAN DENGAN LEBIH LANJUT BERKAITAN DENGAN KETIGA-TIGA SES TERSEBUT?**

**i. Ses Tanam Semula**

Ses Tanam Semula dikenakan ke atas semua getah yang dikeluarkan dari negeri Sabah semasa dieksport. Kadar ses adalah sebanyak 5% daripada nilai getah dengan bayaran minimum sebanyak 4.4 sen se kilogram dan maksimum 10.0 sen sekilogram. Ketika ini, kadar semasa yang dikenakan adalah 10.0 sen se kilogram pada masa getah dieksport.

Ses ini digunakan untuk membiayai program Tanam Semula Getah dan Tanam Baru Getah.

**ii. Ses Getah**

Ses Getah dikenakan ke atas semua getah yang dieksport dari negeri Sabah dengan kadar 2.2 sen se kilogram.

Ses ini digunakan untuk membiayai program latihan dan pengembangan.

**iii. Ses Getah Mentah**

Ses Getah Mentah adalah sejenis cukai yang dikenakan ke atas getah mentah yang belum diproses dan dibawa keluar/diekspor dari Sabah. Kadar ses adalah 10% daripada harga *Standard Malaysian Rubber (SMR)* Gred 20 semasa getah dieksport dan akan dibayar oleh pengekspor.

Ses ini bertujuan untuk memastikan semua getah mentah diproses di negeri Sabah dan menjamin agar kilang-kilang sedia ada di negeri ini mendapat bekalan getah yang mencukupi untuk diproses sekaligus memberi peluang pekerjaan kepada rakyat negeri Sabah.

**27. ADAKAH LIGS MEMBERIKAN PERKHIDMATAN PEMBELIAN HASIL GETAH?**

YA.

LIGS telah mengwujudkan sebanyak 17 Unit Pembelian Getah di seluruh Sabah untuk melaksanakan pembelian getah secara langsung dari ladang-ladang pekebun kecil getah.

LIGS menyediakan perkhidmatan pembelian getah pada setiap minggu ataupun mengikut jadual seperti yang diminta oleh pekebun kecil getah.

**28. APAKAH JENIS GETAH YANG DIBELI OLEH LIGS DARIPADA PARA PEKEBUN KECIL?**

Jenis-jenis getah yang dibeli oleh LIGS adalah:

- i. Getah Kepingan
- ii. Getah Kentalan
- iii. Getah sekerap
- iv. Lateks, bagi daerah tertentu sahaja

Harga getah ditetapkan oleh LIGS setiap hari bekerja (Isnin- Jumaat) dengan berpandukan harga pasaran dunia yang diperolehi daripada Malaysian Rubber Exchange.

**29. ADAKAH LIGS MENGGUNAKAN WAKIL ATAU AGEN UNTUK MEMBELI GETAH?**

TIDAK.

LIGS tidak menggunakan wakil ataupun agen bagi pihak LIGS untuk membeli getah daripada para pekebun kecil di seluruh Sabah. Pembelian getah dilaksanakan oleh kakitangan LIGS sendiri.

Walau bagaimanapun, terdapat pembeli-pembeli getah yang berlesen membeli getah di negeri ini dengan harga yang ditetapkan oleh mereka sendiri.

**30. DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT BERKAITAN HARGA GETAH LIGS?**

Anda boleh mendapatkan maklumat harga getah harian daripada:

- i. Semua pejabat LIGS di seluruh Sabah
- ii. Melayari laman sesawang LIGS di alamat <http://www.sabah.gov.my/ligs>
- iii. Melalui siaran radio tempatan di antara pukul 6.30 -7.45 pagi setiap hari bekerja Isnin hingga Jumaat

**31. DIMANAKAH LIGS MEMPROSES GETAH DARIPADA PEKEBUN KECIL?**

LIGS mempunyai tiga (3) buah kilang yang beroperasi pada ketika ini khusus untuk memproses getah seperti berikut:

- i. Kilang Getah SMR Tuaran
- ii. Kilang Getah SMR Tenom
- iii. Kilang Getah Specialty Beaufort

**32. DIMANAKAH LIGS MEMASARKAN GETAH-GETAH YANG TELAH DIPROSES?**

LIGS akan memasarkan getah-getah yang diproses ke negara China, Eropah, Jepun, Amerika Selatan, Afrika Selatan dan lain-lain negara di dunia.

**33. BOLEHKAH SEBUAH KILANG TAYAR DIDIRIKAN DI SABAH?**

Sektor swasta adalah digalakkan untuk melabur di dalam sektor perkilangan sebagai tambahan kepada pengeluaran asas seperti getah SMR, lateks pekat, getah specialti dan kayu getah. Berhubung dengan kilang tayar tersebut, keperluan bahan-bahan adalah seperti berikut:

- i. Getah Asli sebanyak 10,000 tan metrik sebulan (Negeri Sabah hanya mengeluarkan lebih kurang 3,000 tan metrik sebulan dengan berpotensi untuk meningkatkan pengeluaran sehingga 7,000 tan metrik sebulan)
- ii. Getah Sintetik (Synthetic Rubber) – perlu diimport
- iii. Dawai keluli (Steel Beltings) – perlu diimport
- iv. Karbon Hitam (Carbon Black) – perlu diimport
- v. Sulfur (Sulphur) – perlu diimport
- v. Bahan Lengai (Inert material) – perlu diimport

Import ke atas bahan mentah untuk pembuatan tayar akan menyebabkan penubuhan kilang tayar tidak ekonomik. Walau bagaimanapun, sektor swasta boleh mempertimbangkan pengilangan produk lateks celup (dip latex products) seperti kondom, sarung tangan dan pembuatan perabot kayu getah.

**34. BERAPAKAH JUMLAH PENGELOUARAN GETAH ASLI DI MALAYSIA BERBANDING NEGARA LAIN DI DUNIA?**

Negara pengeluar utama getah asli dunia adalah seperti berikut:

- i. Thailand : 4.30 juta tan metrik/tahun
- ii. Indonesia : 3.80 juta tan metrik/tahun
- iii. Vietnam : 1.00 juta tan metrik/tahun
- iv. China : 0.80 juta tan metrik/tahun
- v. India : 0.70 juta tan metrik/tahun
- vi. Malaysia : 0.65 juta tan metrik/tahun

Negeri Sabah mengeluarkan sebanyak lebih kurang 40,000 tan metrik/tahun daripada pengeluaran negara Malaysia sebanyak 650,000 tan metrik/tahun dan kini, berpotensi untuk meningkatkan pengeluaran sehingga 80,000 tan metrik menjelang Tahun 2025. Penglibatan negara Malaysia dalam pasaran dunia adalah terhad.

**35. BERAPAKAH HARGA PASARAN GETAH DUNIA DALAM TAHUN 2017?**

Purata harga pasaran getah dunia bagi SMR20 dalam Tahun 2017 adalah seperti berikut:

Bulan	RM/tan metrik
Januari	9,572
Februari	9,669
Mac	8,630
April	7,192
May	6,500
Jun	6,027
Julai	6,352
Ogos	6,442
September	6,605

**36. BERAPAKAH HARGA LADANG (FARM GATE PRICE) DI ANTARA SABAH, SARAWAK DAN SEMENANJUNG MALAYSIA?**

Purata harga ladang untuk Kentalan gred II dengan 50% Kandungan Getah Kering (KGK) dalam Tahun 2017 adalah seperti berikut:

Bulan	SABAH	SARAWAK	S. MALAYSIA
	RM/kilogram	RM/kilogram	RM/kilogram
Januari	3.90	2.35	3.97
Februari	3.59	3.28	3.80
Mac	3.09	2.86	3.07
April	2.47	2.21	2.45
May	2.22	2.06	2.37
Jun	1.98	1.88	2.22
Julai	2.14	1.94	2.31
Ogos	2.18	2.12	2.55
September	2.27	2.09	2.34

Perbezaan harga di antara Semenanjung Malaysia dan Sabah adalah disebabkan oleh ketiadaan kapal-kapal induk yang datang ke pelabuhan Kota Kinabalu dan menuju ke destinasi negara pengimpor. Semua getah perlu di hantar ke pelabuhan Klang atau Singapura yang mana melibatkan kos tambahan untuk perkapanan, insuran, caj pengendalian berganda dan kos pemindahan muatan (transhipment).

**37. AKHIR SEKALI, SEBAGAI PENGURUS BESAR LIGS, BAGAIMANAKAH YBHG DATUK MELIHAT MASA DEPAN INDUSTRI GETAH DI NEGERI SABAH?**

Sepertimana yang kita sedia maklum bahawa getah masih lagi digunakan oleh industri pembuatan tayar dan ianya akan terus diperlukan selagi tayar masih digunakan oleh kenderaan dan jentera. Permintaan daripada industri pembuatan sarung tangan dan kondom juga secara langsung membantu industri ini untuk terus berkembang. Terdapat juga inovasi terbaru penggunaan getah dalam penurapan jalanraya (rubberised road) dan green tyres yang mana boleh meningkatkan permintaan getah dalam negara serta mengurangkan eksport getah ke pasaran antarabangsa sekaligus dapat meningkatkan harga getah di masa-masa akan datang.

Mengikut pengamatan saya, industri getah di negeri ini akan terus berkembang dengan adanya permintaan daripada industri-industri dan pengilang-pengilang di luar negara dan permintaan dalam negara di masa akan datang menerusi inovasi baru.

Oleh itu, sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab dalam melaksanakan program-program yang diperkenalkan oleh Kerajaan, saya menyeru dan terus menggalakkan para pekebun kecil getah di negeri Sabah untuk terus mengusahakan kebun-kebun mereka supaya dapat memperolehi pendapatan yang lebih tinggi dan lumayan sekaligus dapat memperbaiki taraf kehidupan mereka ke arah yang lebih baik.

**GETAH PEMACU PENDAPATAN**  
**SEKIAN DAN TERIMA KASIH**